

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PETRONAS GAS BERHAD (PGB) KERTIH
KEMAMAN

OLEH

TENGGU MAZIRA BINTI TENGGU MUDA
SARJANA MUJIDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2004

1100045535

4115259

PERPUSTAKAAN KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)			
Pengarang Tengku Mazira Bte Tengku Muta.		No. Panggilan LI 24 FPE 1 5004	
Judul bahan Industri di petronas gas			
Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan

CM: S259

1100045535

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 24 FPE 1 2004



1100045535
Laporan akhir latihan industri di Petronas Gas Berhad (PGB)
Kertih Kemaman / Tengku Mazira Tengku Muda.



PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045535		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PETRONAS GAS BERHAD (PGB), KERTIH,
KEMAMAN.**

DISEDIAKAN OLEH:

**TENGGU MAZIRA BTE TENGGU MUDA
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada:

Jabatan Ekologi dan Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2004

1100045535

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Tengku Mazira Binti Tengku Muda mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama: TENGGU MAZIRA TENGGU MUDA

Tarikh: 21 / 10 / 04

Disahkan oleh:



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM.

Penghargaan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.....

Pertama sekali, pelatih panjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan hidayah-Nya, penulis dapat menyiapkan laporan akhir latihan industri ini.

Penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih ditujukan kepada Prof. Madya Mohd Salleh bin Lebar, selaku penyelia KUSTEM pelatih kerana banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta sudi meluangkan masa kepada pelatih sepanjang laporan ini disiapkan.

Ucapan jutaan terima kasih juga pelatih tujukan khas buat En. Gani Abdullah (Senior Executive HR Planning & Development) selaku penyelia Industri juga merupakan seorang yang professional dan berhemah kerana telah banyak memberi kerjasama yang sebaik mungkin serta tunjuk ajar dalam melakukan kerja sepanjang tempoh latihan.

Tidak lupa juga, jutaan terima kasih kepada En. Ahmad Nawawi Sharani (Supervisor Resource Centre) yang telah menawarkan dan memberi peluang kepada pelatih untuk melakukan latihan industri di syarikat PGB. Pelatih juga ingin mengucapkan terima kasih serta tidak melupakan jasa semua yang terlibat terutamanya kakitangan HR P& D yang telah banyak membantu pelatih sepanjang tempoh latihan, ibu-bapa dan rakan-rakan.

Melalui latihan ini, pelatih berpeluang belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung dalam bidang pekerjaan dengan mempelajari aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi tersebut.

Akhir sekali, pelatih mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak. Semoga Allah saja yang akan membalas jasa baik mereka semua.

Terima Kasih.

Ringkasan Eksekutif

Latihan industri merupakan suatu aspek yang sangat penting dalam program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM yang mana pelajar akan ditempatkan di agensi awam atau swasta dan berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung suatu bidang pekerjaan. Pada masa yang sama, pelajar juga berpeluang mempelajari aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi sesebuah agensi. Semasa latihan industri juga, pelajar akan memperolehi pengalaman dan kemahiran asas professional pekerjaan yang berkaitan dengan program pelajar, mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam pekerjaan, menjalinkan dan mengekalkan hubungan dengan alam professional dalam bidang masing-masing, memahami nilai etika professional masing-masing dan menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan dan seterusnya mendapat peluang pekerjaan apabila bergraduasi nanti.

Pada masa latihan industri ini dilakukan, pelatih ditempatkan di sebuah agensi swasta iaitu di syarikat PETRONAS Gas Berhad (PGB), di bahagian Loji Memproses Gas (Gas Processing Plants- GPP A), di jabatan Pengurusan Sumber Manusia (HRM) dan di bawah penyeliaan En. Gani Abdullah (Senior Executive HR Planning & Development).

Laporan akhir latihan industri ini dilakukan sebagai ringkasan bagi segala aktiviti yang dilakukan oleh pelatih sepanjang tempoh latihan iaitu lebih kurang 13 minggu di syarikat PGB. Laporan akhir ini mengandungi tiga bahagian iaitu latar belakang organisasi, pengenalan masalah, dan penutup. Dalam bab latar belakang organisasi, pelatih telah menerangkan tentang syarikat PGB yang merangkumi pengenalan syarikat, maklumat organisasi, struktur organisasi dan aktiviti organisasi. Di samping itu juga, pelatih telah menyenaraikan tentang kemahiran yang diperolehi atau dipelajari sepanjang tempoh latihan. Melalui kemahiran yang dipelajari, sekaligus menunjukkan objektif latihan industri tercapai. Dalam bab ini pelatih menerangkan maklumat tentang syarikat PGB secara terperinci dari sejarah hinggalah kepada aktiviti organisasi.

Dalam bab kedua pula, pelatih menerangkan tentang pengenalan masalah serta penemuan di bahagian Kualiti, HSE dan HRM. Pelatih telah mengesan sistem yang sedia ada di PGB khususnya di jabatan HRM serta menganalisis sistem kerja yang terdapat di PGB, mengenalpasti masalah di peringkat dalaman dan luaran. Kemudian pelatih akan menganalisis masalah dan penemuan tersebut, di samping cadangan penyelesaian kepada masalah yang dikenalpasti.

Dalam bab ketiga pula, yang merupakan bab yang terakhir dan dikenali sebagai penutup. Ianya merangkumi tentang cadangan dan komen pelatih terhadap latihan industri serta pengharapan pelatih terhadap cadangan penyelesaian masalah yang dikemukakan boleh diaplikasikan oleh organisasi. Dengan kata lain, bab ini merupakan rumusan dan kesimpulan yang berkaitan dengan latihan industri ini. Akhir sekali, pelatih berharap agar latihan ini mencapai objektifnya khususnya untuk mendedahkan pelajar kepada persekitaran kerja yang sebenar di samping memperolehi input-input yang bermanfaat.